

## SENIMAN dan KESENIAN—2



■ Setiausaha Politik Menteri Perdagangan, Enik Megat Jonid (kiri) menyampaikan hadiah juara silat dari Melaka.

Tokoh2 dunia persilatan di rantau Asean berkumpul menunjukkan kehandalan

Oleh SHAMSUDDIN JAAFAR



■ Enik Megat Jonid menerima cenderamata dari Tuan Guru Mukhtar Affandi.

# Pendekar silam menjelma?



■ Jika benar pendekar, jatuh pun mesti dengan caranya. 24 MAY 1981



■ Jangan terkam sebarangan, buruk padahnya...



■ Encik Saidin Tombi (kiri) menyampaikan cenderamata kepada wakil Filipina.

HARI Sabtu malam Minggu 9 Mei, 1981, Stadium Negara, Kuala Lumpur telah digeyorkan dengan berbagai aneka jurus dan gerak silat oleh tokoh-tokoh dunia persilatan dari negara-negara rantau ASEAN. Warisan semangat kepahlawanan pendekar-pendekar Melayu silam telah dihidup dan diperlihatkan semula

melalui satu acara pertandingan seni-silat antara 10 negeri di Semenanjung Malaysia bagi merubuhkan 'Kejohanan Demonstrasi Dunia Silat Malaysia—Dua Serantau (ASEAN) (Minggu)'. Negeri yang mewakili Melaka diwakili oleh pasukan Angkatan Seni Silat Melaka melalui pasangan-pasangan Kamarulzaman Bakar dan

Nasahuddin Mohamed telah berjaya menjadi 'juara' di peringkat kebangsaan mengalahkan sembilan negeri lain, termasuk Selangor, Wilayah Persekutuan, Kelantan, Terengganu, Negeri Sembilan dan Perak. Pendeknya, kepada siapa sahaja yang mampan dan menghayati seni mempertahankan diri, 'Malam Demon-

strasi Dunia Silat Malaysia Dan Serantau (ASEAN)' itu telah menghayati satu acara 'pandangan mata dan denyutan hati' yang menebarkan perasaan. Di malam itu tokoh-tokoh pendekar dari lima negara ASEAN—Indonesia, Filipina, Negara Thai, Malaysia dan Singapura—telah memperlihatkan kepintaran

beradu tenaga, di samping mendemonstrasikan kelincikan jurus dan gerak silat yang menakjubkan. Tendangan-tendangan terbang silih-berganti. Pukulan-pukulan tenaga botin telah saling sambut-bersambut. Jurus-jurus 'rahaui' gerak silat hap-tiap pendekar telah diperlihatkan secara terbuka. Tidak keterlaluan, jika

malam tersebut dianggap sebagai 'Malam Pendekar Turan Gelanggang' bagi menguji ilmu persilatan mereka. Pesta 'adu tenaga para pendekar ASEAN' itu adalah inisiatif Tuan Guru Mukhtar Affandi Muhammad. Yang Dipertua Peratuan Alam Persilatan Dan Kebudayaan Seni Gerak Suci, Selangor (GERAKSUCI),

Tujuan 'terpelincir' Tuan Guru "GERAKSUCI", Mukhtar Affandi bagi membantu murid-murid yang kurang bernasib baik di Sekolah Kebangsaan Jalan Fasar (2), Kuala Lumpur melalui demonstrasi berkenaan terlaksana sudah. Di samping itu berjaya mencipta peranakan harmoni dan muhibbah di kalangan peserta ASEAN

keseluruhannya. **Partisipasi** dalam silat yang telah dipertunjukkan oleh peserta dari negara ASEAN di malam itu ialah 'Amis De Mano' dari Filipina, 'Silat Tralok Gula Tarik' dari Indonesia, 'Silat Gayung' dari Singapura, 'Tinjau Siam' dari Negara Thai dan 'Silat Gerak Suci' dari Malaysia.

Bagaimanapun 'Silat Gayung' dari Singapura yang dipersembahkan oleh pasangan dari Persekutuan Silat Singapura (PERSISI) yang menggunakan dua bilah pedang telah menarik perhatian 5,000 penonton yang berada dalam Stadium Negara pada malam 9 MAY 1981. Semuga apa yang disarankan oleh Penang

'DDSMS(A)', Tengku Razaleigh Hamzah, Menteri Kewangan melalui perutusannya dalam Buku Cenderamata berkenaan "...melalui demonstrasi ini akan menjadikan seni-silat bertamabah popular lagi, bukan saja di rantau ASEAN, tetapi juga di seluruh dunia" akan menjadi kenyataan.